

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor]**

TARIKH : **1 Disember 2015 (Selasa)**

SOALAN :

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan dan pendirian Malaysia berkenaan dengan *Global Movement of Moderates Foundation* yang diilhamkan oleh Perdana Menteri pada tahun 2010. Adakah ia masih bersesuaian dengan pendirian Perdana Menteri yang menyokong himpunan Baju Merah pada 16 September 2015.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

GMM yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri dan secara rasminya diperkenalkan pada Perhimpunan Agung Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke 65 pada tahun 2010 merupakan satu inisiatif yang berpaksikan kesederhanaan. Konsep kesederhanaan ini telah mendapat sokongan dan tempat di pelbagai pertubuhan dan persidangan antarabangsa lain seperti ASEAN, CHOGM, NAM, UNAOC, ASEM, D8 dan OIC.

Untuk makluman, Perhimpunan Rakyat Bersatu adalah mengikut Undang-Undang di bawah Akta Perhimpunan Aman kerana pihak penganjur telah mendapat kebenaran daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.